

LAMPIRAN

Najib Gesa Rakyat Kuasai ICT

Rabu 4 Mei 2005

Nasional

Najib gesa rakyat kuasai ICT

**Oleh Ahmad Ghazali Musa
dan Sarha Mohd Ali**

PEKAN: Rakyat perlu menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana ketidaknampuhan berbuat demikian akan mewujudkan kemiskinan baru iaitu buat ICT.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan akan berusaha habis-habisan supaya rakyat tidak menjadikan ICT hanya sebagai satu bidang pilihan, sebaliknya mereka perlu menguasainya.

"Kalau kita mahu jadi negara maju dan mencapai kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjadi negara cermerlang, gemilang dari terbilang rakyat perlu kuasai ICT."

"Langkah kerajaan membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan pelbagai aplikasi seperti te-leperubahan, program ICT di sekolah dengan sekolah bestarinya dan pelbagai aplikasi adalah supaya rakyat celik ICT."

"Kalau kita tak amalkan akan wujud kemiskinan baru iaitu buat ICT. Sua-sana ini sama seperti kita berdepan dengan rakyat buta huruf tidak tahu membaca dan menulis ketika zaman pasca kemerdekaan," katanya.

Beliau turut menyatakan iaitu buat lebih 4,000 tetamu yang hadir pada majlis pelancaran Mekar ICT anjuran Puri Umno Malaysia di Dataran Pekan, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk

Seri Adnan Yaakob, Ketua Puteri, Noraini Ahmad; dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin.


Najib berkata, pembudayaan ICT di kalangan masyarakat di negara ini masih berada pada tahap rendah berbanding negara yang tergolong sebagai negara maju.

"Ini dapat dilihat daripada pemilik komputer peribadi (PC) di negara ini hanya pada tahap 18 peratus berbanding 60 peratus di Amerika Syarikat. Jelas penggunaan ICT adalah agenda yang perlu di-perjuangkan habis-habisan," katanya.

Katanya, kemahiran menggunakan aplikasi ICT perlu disertakan dengan pegangan nilai yang baik supaya kemudahan itu tidak disalahgunaikan sehingga boleh membawa pokok perada kepada masyarakat.

Beliau turut memuji inisiatif Puteri Umno yang menggerakkan program celik ICT menerusi pelancaran Mekar ICT yang jelas memuktahkan golongan muda terus bergerak di barisan hadapan menguasai bidang penting.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan penyerahan kunci rumah Program Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PPKR), di Kampung Orang Asli Sawah Batu, Mukim Bebar, dekat sini, Najib menggesa masyarakat Orang Asli melakukan perubahan terbaik bagi membuktikan perlakuan



NAJIB sambil diperhati Abdul Aziz (kanan), Adnan (tiga dari kiri) dan Isahak (dua kiri) menyampaikan replika cek dividend Indang kepada wadil paseron Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Tok Belut Orang Asli Semah Batu, Hemid Sepoh, pada Majlis Perasmian Program Pembangunan Masyarakat Setempat di Kampung Sawah Batu dekat Petani, semalam – Gambar Bernama

naan program pembangunan seimbang yang mahu menghapuskan terus kemiskinan dalam tempoh empat tahun akan datang hanya teraksara jika masyarakat Orang Asli sangat berubah dan menerima pembangunan dirancang untuk mereka.

Katanya, PPMS di bawah PPKR Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, adalah contoh terbaik bagi membuktikan perlakuan

RM246 sebulan. Jika menerima na-sihat kita dan meninggalkan kerja mencari rotan di hutan, mereka boleh menerima pendapatan bulanan RM696 sebulan dan ini mele-pasi paras kemiskinan," katanya.

Beliau kagum dengan perubahan pembangunan yang berlaku di per-kampungan Orang Asli Sawah Batu yang disifatkanannya seperti langit de-nan bumi.

LAMPIRAN B

2003/2004 KORIDOR RAYA MULTIMEDIA: KAJIAN KEPRIHATINAN PELAJAR IPTA TERHADAP PELAKSANAANNYA

Arahan : Sila tanda ✓ , bulatkan atau isi tempat kosong di mana sesuai.

Instruction : Please ✓, circle or fill in the blanks where appropriate.

A. MSC DAN ANDA / MSC AND YOU

1. Pernahkah anda melihat logo ini?

Have you seen this logo?



Ya/Yes

Tidak (Sila ke soalan 2)/No (*Please go to question 2*)

Jika Ya, logo apakah ini?

If yes, what logo is this?

Koridor Raya Multimedia/*Multimedia Super Corridor*

Universiti Multimedia/*Multimedia University*

Multimedia Siber/*Multimedia Cyber*

Tidak Pasti/*Not Sure*

Di manakah anda memperoleh maklumat mengenai logo ini?

Where did you get the information about this logo?

Media Elektronik (e.g: iklan televisyen, radio, dsb)/
Electronic Media (e.g: television commercials or promotions, radio, etc)

Media Cetak (e.g: surat khabar, majalah, risalah, poster)/
Print Media (e.g: newspaper, magazines, pamphlets, leaflets, flyers, posters)

Internet/*Internet*

Lisan (e.g: rakan, rakan sekerja, guru, pensyarah, ahli keluarga)/
Word-of-mouth (e.g: friends, work mate, teachers, lecturers, family)

Lain-lain, (nyatakan)/
Others, (please stated): _____

2. Objektif MSC ialah:

The objective of the MSC is:

Untuk mengubah Malaysia kepada k-ekonomi/*To transform Malaysia into a k-economy*

Menjual komputer/*Sell computers*

Membuka sebanyak mungkin kedai komputer di negara ini/*Open as many computer shops as possible in the country*

Tidak Pasti/*Not Sure*

3. MSC ditubuhkan pada tahun

The MSC was established in

2000

1996

2003

Tidak Pasti/*Not Sure*

4. MSC ialah/MSC is:

Agensi/*Agency*

Perbadanan/*Corporation*

Projek Nasional/*National Project*

Organisasi/*Organisation*

5. Di manakah anda memperoleh maklumat tentang MSC?/

Where do you access information about MSC?

Media Elektronik (.e.g: iklan televisyen, radio, dsb)/
Electronic Media (e.g: television commercials or promotions, radio, etc)

Media Cetak (e.g: surat khabar, majalah, risalah, poster)/
Print Media (e.g: newspaper, magazines, pamphlets, leaflets, flyers, posters)

Internet/*Internet*

Lisan (e.g: rakan, rakan sekerja, guru, pensyarah, ahli keluarga)/
Word-of-mouth (e.g: friends, work mate, teachers, lecturers, family)

Lain-lain, (nyatakan)/
Others, (please stated):

6. Siapakah yang menguruskan MSC?

Who manages the MSC?

Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (*MIMOS*)/*Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS)*

Perbadanan Pembangunan Multimedia (*MDC*)/*Multimedia Development Corporation*

Suruhanjaya Multimedia Malaysia/*Multimedia Commission of Malaysia*

Tidak Pasti/*Not Sure*

7. Yang manakah di bawah ini tidak berada di dalam kawasan MSC?

Menara Berkembar Petronas/*Petronas Twin Tower*

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur/*Kuala Lumpur International Airport*

Litar F1 Sepang/*Sepang F1 Circuit*

Tidak Pasti/*Not Sure*

8. Undang-undang yang digubal untuk menggalakkan pembangunan industri IT dan multimedia tempatan dikenali sebagai:

Laws enacted to promote the growth of the local IT and multimedia industry are known as:

Undang-undang Siber/*Cyberlaws*

Peraturan MSC/*MSC Regulations*

Undang-undang ICT/*ICT Law*

Tidak Pasti/*Not Sure*

9. Fungsi-fungsi MyKad merangkumi semua di bawah kecuali:

MyKad includes the following functions except:

Kad Pengenalan/*Identity Card*

Sijil Perkahwinan/*Marriage Certificate*

Touch N Go/*Touch N Go*

Tidak Pasti/*Not Sure*

10. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas aplikasi MyKad MSC ialah
The government agency responsible for the MSC MyKad application is

MAMPU
 Jabatan Pendaftaran Negara/*National Registration Department*
 Jabatan Imigresen/*Immigration Department*
 Tidak Pasti/*Not Sure*

11. Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan inisiatif MSC berikut telah dilancarkan:
To improve the quality of government services, the following MSC initiatives were launched:

E-Kerajaan/*E-Government*
 Televisyen Kebangsaan/*National Television*
 Tele-Nasihat/*Tele-Advice*
 Tidak Pasti/*Not Sure*

12. Yang manakah aplikasi ‘on-line’ yang membantu masyarakat berinteraksi dan membuat transaksi dengan sektor kerajaan (i.e. Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan)?
Which is the on-line application that helps the public interact and make transactions with the public sector (i.e. Police, Road Transport Department)?

E-Khidmat/*E-Services*
 E-Nasihat/*E-Advice*
 Tele-Khidmat/*Tele-Services*
 Tidak Pasti/*Not Sure*

13. Untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan kebangsaan Malaysia, MSC telah melancarkan
To improve Malaysia's national health services, the MSC launched

Telehealth
 Tele-Clinics
 Hospital Siber/*Cyber Hospitals*
 Tidak Pasti/*Not Sure*

14. Untuk meningkatkan sistem pendidikan kebangsaan, MSC telah melancarkan:
To improve the national education system, the MSC has launched:

Sekolah Internet/*Internet Schools*
 Sekolah Bestari/*Smart Schools*
 Sekolah ICT/*ICT Schools*
 Tidak Pasti/*Not Sure*

15. Aplikasi Sekolah Bestari telah dibangunkan oleh
The smart School Application was developed by

| | |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia/ <i>Ministry of Education and Multimedia Development Corporation</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kementerian Pendidikan dan Sekolah Bestari Telekom/ <i>Ministry of Education and Telekom Smart School</i> |
| <input type="checkbox"/> | Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Sekolah Bestari Telekom/ <i>Multimedia Development corporation and Telekom Smart School</i> |
| <input type="checkbox"/> | Tidak Pasti/Not Sure |

16. Yang manakah di antara berikut BUKAN Bandar Siber MSC?
Which of these is NOT an MSC Cybersity?

| | |
|--------------------------|----------------------|
| <input type="checkbox"/> | Cyberjaya |
| <input type="checkbox"/> | KLCC |
| <input type="checkbox"/> | Subang Jaya |
| <input type="checkbox"/> | Tidak Pasti/Not Sure |

17. Yang Manakah di antara universiti-universiti ini berada di Cyberjaya?
Which of these universities is in Cyberjaya?

| | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Universiti Multimedia/ <i>Multimedia University</i> |
| <input type="checkbox"/> | Universiti Petronas/ <i>Pertronas University</i> |
| <input type="checkbox"/> | Universiti Tenaga Nasional |
| <input type="checkbox"/> | Tidak Pasti/Not Sure |

18. apakah laman web rasmi MSC?
What is the Official website of the MSC?

| | |
|--------------------------|----------------------|
| <input type="checkbox"/> | www.msc.gov.my |
| <input type="checkbox"/> | www.msc.net.my |
| <input type="checkbox"/> | www.msc.com.my |
| <input type="checkbox"/> | Tidak Pasti/Not Sure |

19. Pada skala 1-10 pada kedudukan manakah anda letakkan MSC sebagai pusat ICT?/*On scale 1-10, how would you rank the MSC as an ICT hub?*
Sila bulatkan nombor/*Please circle the number*
1 = tempat pertama; 2 = tempat kedua; ... dan seterusnya/*1 = 1st place; 2 = 2nd place; ... and so forth.*

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

20. Jika anda merumuskan tanggapan anda mengenai *MSC* dalam beberapa patah perkataan, apakah tanggapan tersebut?/*If you had to sum up your impression of the MSC in a few words, what would they be?* (Anda boleh menanda lebih dari satu/*You may tick more than one*)

- | | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Ia adalah permulaan yang baik/ <i>It is a good start</i> |
| <input type="checkbox"/> | Ia sedang bergerak sepenuhnya ke arah merealisasikan objektif/ <i>It is moving towards full realization of objectives</i> |
| <input type="checkbox"/> | Meletakkan Malaysia terhadap dalam teknologi <i>ICT/Puts Malaysia in the cutting-edge ICT technology</i> |
| <input type="checkbox"/> | Meletakkan Malaysia dalam peta dunia <i>ICT/Puts Malaysia in the global ICT map</i> |
| <input type="checkbox"/> | Laluan cemerlang masa depan dalam dunia siber/ <i>Excellent road to the future in the cyber world</i> |

21. Melalui saluran apakah anda **kerap mendengar** mengenai *MDC*?/*How do you hear about MDC most frequently?* (*sila tanda satu sahaja/Please tick one only*)

- | | |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Internet/ <i>Internet</i> |
| <input type="checkbox"/> | Televisyen/ <i>Television</i> |
| <input type="checkbox"/> | Radio/ <i>Radio</i> |
| <input type="checkbox"/> | Akhbar/ <i>Newspaper</i> |
| <input type="checkbox"/> | Majalah/ <i>Magazine</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kawan/ <i>Friend</i> |
| <input type="checkbox"/> | Guru/Pensyarah / <i>Teacher/Lecturer</i> |

B. IMPLEMENTASI KERAJAAN / GOVERNMENT IMPLEMENTATION

1. Adakah kerajaan telah melancarkan sebarang inisiatif untuk mempromosikan penggunaan maklumat dan telematik (e.g. kad Touch N Go) di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam?

Did the government launch any initiatives to promote the usage of information and telematics (e.g. touch N Go card) in government and public service?

Ya/Yes Tidak (Sila ke soalan 2) / No (Please go to question 2)

Jika Ya, sila senaraikan tiga daripada inisiatif tersebut:

If yes, please state three of the initiatives:

- i) _____
ii) _____
iii) _____

Siapakah yang terlibat di dalam inisiatif tersebut?

Who are involved in the initiatives?

- Kerajaan/Government
 Industri Swasta/Private Sector
 Universiti/University
 Lain-lain (sila nyatakan)/Others (Please State) _____

2. Adakah kerajaan mempunyai satu atau lebih Laman Web rasmi (e.g. kerajaan pusat, kementerian/jabatan berlainan)?

Does the government have one or more official Web Sites (e.g. central government, different ministries/departments)?

Ya/Yes Tidak (Sila ke soalan 3) / No (Please go to question 3)

Adakah terdapat polisi untuk menyediakan kepelbagaiannya pendapat dan sumber maklumat di Laman Web tersebut?

Is there any policy to provide varieties of opinion and information sources in the websites?

Ya/Yes Tidak/No

3. Adakah kerajaan mempunyai polisi untuk memperlihatkan komitmen mereka dalam usaha celik IT?

Does the government have any policy to show their commitment towards creating IT literacy?

| | |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Tiada polisi langsung/ <i>No policy at all</i> |
| <input type="checkbox"/> | Ada tetapi masih di dalam perbincangan/ <i>Yes but still under discussion</i> |
| <input type="checkbox"/> | Ada dan baru hendak dilaksanakan/ <i>Yes and to be implemented</i> |
| <input type="checkbox"/> | Ada tetapi cuma sebahagian yang dilaksanakan/ <i>Yes but only part of it being implemented</i> |
| <input type="checkbox"/> | Ada dan telah dilaksanakan sepenuhnya/ <i>Yes and had been fully implemented</i> |

4. Apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memastikan lebih ramai penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi?

What are the efforts being done to ensure that more citizens could get information on k-economy?

| | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Pemasangan Kiosk Awam/ <i>Constructing Public Kiosks</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kerajaan mensubsidi perkhidmatan asas Internet/ <i>Government subsidises basic services of Internet</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kerajaan mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai)/ <i>Government subsidises purchases of computers (includes tax exemption)</i> |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain (sila nyatakan)/ <i>Others (please specify)</i> _____ |

5. Adakah Malaysia menggunakan teknologi kad pintar?/*Is Malaysia using the smart-card technology?*

Ya/Yes Tidak (Sila ke soalan 6) / No (*Please go to question 6*)

Sila nyatakan di manakah kad itu digunakan dalam perkhidmatan awam (e.g. perkhidmatan pentadbiran, pendidikan, kesihatan, dll.)

State where it is used in public service (e.g. administrative services/education, health, etc.)

6. Pada anggapan anda apakah yang menjadi penghalang kepada perkembangan penguasaan ‘on-line’ di Malaysia?

In your opinion what are the obstructions to the development of on-line services in Malaysia?

| | |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Kekurangan infrastruktur/ <i>Lack of Infrastructure</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kekurangan sumber/ <i>Lack of resources</i> |
| <input type="checkbox"/> | Tahap celik IT yang rendah/ <i>Low IT Literacy</i> |
| <input type="checkbox"/> | Tahap kesedaran yang rendah pada peringkat polisi/ <i>Low awareness at policy making level</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kurangnya insentif awam (faedah yang tidak jelas atau minimum)/ <i>Lack of public incentives</i> |
| <input type="checkbox"/> | Kurangnya penggunaan Internet/ <i>Low Internet usage</i> |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain/ <i>Others</i> |

C. MAKLUMAT UMUM / GENERAL INFORMATION

1. Bahan bacaan yang selalu dibaca:

Reading materials usually read:

Surat khabar/*Newspaper*

Buku (akademik dan umum)/*Books (academic and general)*

Majalah/*Magazines*

Komik/*comic*

Novel/*Novel*

Lain-lain, Nyatakan/*Others, please specify:* _____

2. Kekerapan anda membaca surat khabar?

Frequency of reading newspaper

Tiap-tiap hari/*Everyday*

2 atau 3 kali seminggu/*2 or 3 times/ per week*

Sekali seminggu/*Once a week*

Jarang-jarang/*Sometimes*

Tidak langsung/*Not at all*

3. Kekerapan anda menonton berita di televisyen?

Frequency of watching news on TV

Tiap-tiap hari/*Everyday*

2 atau 3 kali seminggu/*2 or 3 times/ per week*

Sekali seminggu/*Once a week*

Jarang-jarang/*Sometimes*

Tidak langsung/*Not at all*

4. Adakah anda mempunyai komputer peribadi (personel computer)?

Do you have a personel computer?

Ya/Yes Tidak/No

5. Pernahkah anda menggunakan komputer?

Have you ever used a computer?

Ya/Yes Tidak/No (Terus ke soalan 7) / No (Go to question 7)

Jika Ya, di mana anda menggunakan komputer?

If yes, where do you use the computer?

Rumah/Home

Pejabat/Office

Kafe Siber/Cyber Cafe

Makmal Komputer/Computer Laboratory

Lain-lain, Nyatakan/Others, Please specify: _____

6. Tujuan anda menggunakan komputer:

Reasons for using computers:

Membuat tugas/kerja pejabat / assignment/office work

Melayari Internet / Browsing on the Internet

E-mel / E-mail

Perniagaan (urus niaga pembelian, penempahan, pembayaran secara on-line)/Business (purchasing, ordering, paymentg on-line)

Lain-lain, Nyatakan/Others, Please specify: _____

7. Tahukah anda?:

Do you know?:

Ya/Yes

Tidak/No

Tentang Projek Koridor Raya Multimedia (MSC)?/Government MSC

Di mana terletaknya MSC?/Where is it located?

Kenapa Kerajaan Persekutuan mewujudkan MSC?/Why does the government establish MSC?

Jenis-jenis syarikat yang bertapak di MSC?/Types of companies in MSC?

8. Sila tandakan projek-projek MSC di bawah yang anda ketahui:

Please indicate MSC project that you know off from below:

Sekolah Bestari/Smart Schools

e-Kerajaan/e-Government

e-Bisnes/e-Business

MyKad/MyKad

“Outsourcing”

Telekesihatan/telehealth

Penyelidikan & Pembangunan (R&D)/Research & Development



Multimedia Kreatif/Creative Multimedia
Pembangunan Usahawan Teknologi/Technopreneur Development

Soalan-soalan seterusnya berbentuk skala Likert Lima Mata. Sila Bulatkan nombor di sebelah setiap kenyataan berdasarkan:

The following questions are based on the Five point Likert Scale. Circle the numbers following the questions:

- 1 = Sangat Tidak Setuju/Strongly Disagree
- 2 = Tidak Setuju/Disagree
- 3 = Kurang Setuju/Less Agree
- 4 = Setuju/Agree
- 5 = Sangat Setuju/Strongly Agree

- | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 1. | <i>MSC telah meninggikan status saya dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan/MSC has increased my status and has placed me in the category of informed personnel.</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. | <i>MSC telah membuka dunia baru kepada saya MSC has give a new life for me</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. | <i>MSC membuat diri saya terasa bebas. MSC makes me feel free.</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. | <i>MSC telah membuat manusia kurang bergaul. MSC made people less sociable.</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. | <i>Secara umum MSC merupakan suatu perkara yang baik untuk masyarakat. On the whole, MSC is something beneficial for society.</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. | <i>Apakah cadangan anda untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat mengenai MSC? What are your suggestions to improve the knowledge on MSC among our society?</i> | | | | | |

D. BIODATA

1. Institusi Pengajian Tinggi/*Institute of Higher Learning*: _____

2. Fakulti/Akademik/Pusat / *Faculty/Academic/Centre*: _____

3. Program/Pengkhususan / *Program/Majoring*: _____

4. Tahap Pengajian/*Level of Studies*:

- Tahap Awal/tahun 1 / *Beginner/Year 1*
 Tahap Pertengahan/Tahun 2 / *Intermediate/Year 2*
 Tahap Akhir/Tahun Akhir /*Advance/Final Year*
 Lain-lain (sila nyatakan)/*Others (stated)* _____

5. Gender/*Gender* : [] Lelaki/*Male* [] Perempuan/*Female*

6. Umur/*Age*: _____ (pada hari lahir yang terakhir)/(*at the last birthday*)

7. Etnik/*Ethnic* : [] Melayu/*Malay* [] Sabah, Nyatakan/*Please specify* _____
[] Cina/*Chinese* [] Sarawak, Nyatakan/*Please specify* _____
[] India/*Indians* [] Lain-lain, Nyatakan/*Others, Please specify* _____

8. Tempat Bermastautin/*Place of Stay*: _____

9. Status Perkahwinan/*Marital Status*:

- [] Berkahwin/*Married* [] Bujang/*Single* [] Bercerai/Berpisah/*Divorced/Separated*
[] Duda/Balu/*Widow/Widower*

Lampiran C

Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan

Kamsiah Mohmad,
18, Jalan Kenanga 9/3A,
Bandar Sri Damansara'
52200, Kuala Lumpur.

Kepada,

YBhg. Prof. Madya Dr. Azizah Hj. Hamzah,
Penyelia Program Sarjana Pengajian Penerbitan,
Jabatan Pengajian Media,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

YBhg. Prof. Madya Dr.,

Bilaluzhan

Ghafur

13 September 2004

PROFESSOR MADYA DR. AZIZAH HJ. HAMZAH
Timbalan Dekan
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur


KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN TESIS DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dinyatakan bahawa saya akan mula membuat kajian tesis saya yang berjudul ' Koridor Raya Multimedia (MSC): Kajian Tentang Keprihatinan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Terhadap Pelaksanaannya' pada pertengahan bulan Disember 2004 ini.
3. Berdasarkan proposal tesis yang diserahkan, kajian saya akan merangkumi 1200 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebagai responden dan 10 buah IPTA akan terlibat dalam kajian ini iaitu Universiti Malaya (200 responden), Universiti Kebangsaan Malaysia (125 responden), Universiti Putra Malaysia (125 responden), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (125 responden), Universiti Teknologi MARA (125 responden), Universiti Sains Malaysia (100 responden), Universiti Utara Malaysia (100 responden), Universiti Teknologi Malaysia (100 responden), Universiti Malaysia Sabah (100 responden) dan Universiti Malaysia Sarawak (100 responden). (Lihat Lampiran A, Pembahagian Fakulti Mengikut Universiti Yang Dikaji).
4. Sehubungan itu, saya memohon untuk mendapatkan kelulusan dan sokongan YBhg. Prof. Madya Dr. agar saya dapat membuat kajian ke tempat yang berkenaan. Tempoh kajian akan mengambil masa selama dua bulan atau 60 hari sebaik sahaja semester kedua bermula. Kajian akan bermula dari pukul 09.00 pagi sehingga 17.00 petang. (Lihat Lampiran B, Jadual Kajian).

5. Atas kesudian YBhg. Prof. Madya Dr. meluluskan kajian ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

Yang benar,

.....

S.K.: Ketua Unit Latihan,
Bahagian Pengurusan Personel,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803,
50926, Kuala Lumpur.

Pelajar IPT dibenar ikuti kursus kemahiran

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) akan dibenar mengikuti kursus kemahiran terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di semua Pusat Teknologi Lanjutan yang dikendalikan Kementerian Sumber Manusia.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata ia bagi membolehkan pelajar IPT yang mengikuti pengajian dalam bidang tertentu mempunyai kemahiran tambahan untuk membantu mereka bersaing dalam pasaran kerja.

Dengan kerjasama Kementerian

Pengajian Tinggi, kita sedang memperbaiki cadangan bagaimana pelajar IPT boleh mengikuti kursus kemahiran di Pusat Teknologi Lanjutan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kermiterannya di sini, semalam.

Dr Fong berkata, cadangan membenarkan pelajar IPT mengikuti kursus kemahiran di Pusat Latihan Lanjutan dijangka mengatasi masalah graduan menganggur yang sangat diperkatakan sekarang.

"Kita akan mengkaji kurikulum dan jadual pembelajaran semua IPT bagi membolehkan pelajar mengikuti kursus kemahiran dalam tempoh pengajaran. Kementerian menca-

dangkan latihan satu atau dua hari seminggu sehingga menguasai kemahiran itu," katanya.

Dr Fong berkata, antara hidang kemahiran ialah reka bentuk robotik, teknologi mesin, kejuruteraan motor dan penyenggaran kereta berkuasa tinggi.

"Pasaran sekarang memerlukan graduan menguasai bidang kemahiran, terutama ICT bagi membolehkan mereka diterima," katanya sambil menambah ia akan dilaksanakan secepat mungkin.

Beliau berkata, semua pusat sedia ada seperti di Melaka, Batu Pahat, Shah Alam dan Kulim bersedia menerima kemasukan pelajar IPT.

Sementara itu, Dr Fong berkata, lulusan Institut Latihan Perindustrian (ILP) berpeluang menyertai bidang Aeroangkasa menerusi projek membangunkan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang sebagai Taman Aeroangkasa Antarabangsa (IAA).

Katanya, peranan IAP sebagai pusat kemahiran penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat membuka peluang kepada lulusan ILP mendalami bidang aeroangkasa.

"Airod misalnya memerlukan 3,000 hingga 4,000 juruteknik apabila IAP beroperasi. Kita berharap lulusan ILP diserap menjadi juruteknik di IAP.



Dr Fong Chan Onn

jadi pakar dalam bidang penyelenggaraan pesawat," katanya.

Dr Fong berkata, beliau sudah membincangkan cadangan itu dengan Menteri Pengangkutan. Datuk Seri Chan Kong Choy dan bersetuju lulusan ILP diserap menjadi juruteknik di IAP.

Projek Pembinaan Sekolah Bestari Yang Terbiar Kini Menjadi Sarang Penagihan Dadah Selain Tapak Pelupusan Sampah

www.bhariani.com.my

RABU 13/

Oleh Hanneeyyah Bariah Beharin

KUALA LUMPUR: Penduduk Taman Mastiara dan kawasan perumahan berhampirannya di Jalan Ipoh di sini bimbang dengan kewujudan bangunan terbengkalai yang menjadi lubuk pelbagai penyakit sosial dan jenayah.

Projek pembinaan sekolah bestari yang terbiasa sejak lama itu menjadi sarang penagihan dadah, selain kawasan sekitarnya kelihatan seperti tapak pelupusan sampah.

Mereka bimbang gejala tidak sihat itu mempengaruhi anak mereka, selain kemungkinan menjadi mangsa jenayah culik, rogol dan bunuh.

Sentral difaharkan, bangunan berkenaan sudah hampir siap tetapi pemajunya tiba-tiba memberhentikan pembinaan kerana dikatakan mustis serta tidak mampu meneruskan projek.

Penagih dadah dikatakan mengambil kesempatan mengopek dan menjual apa saja yang terlekat pada bangunan itu selagi boleh mendatangkan modal membeli dadah.

Setiausaha persatuan penduduk, Lim Gok Har, 51, berkata setiap kali anak gadisnya pulang lewat, tiada perasaan lain menghantuiinya kecuali bimbang dengan keselamatannya.

"Kadangkala apabila dia pulang lewat sedikit daripada bermain dengan rakan, saya sudah mulai bimbang dan terbayang pelbagai perkara buruk berlaku," katanya.

Beliau berkata, sekolah itu sudah dilengkapi tingkap, pintu dan bumbung sebelum pembinaannya dihentikan, namun ia diambil dan dijual oleh penagih dadah.

Lebih membimbangkan, kedudukan sekolah terbengkalai yang agak terpinggir itu dikhawatiri menjadi lubuk jenayah lain seperti rogol dan bunuh.

"Bangunan ini agak tersorok dan penduduk bimbang terjadi perkara buruk yang boleh mengakibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa."

"Memangnya kesi rogol atau bunuh belum pernah berlaku di sini, tetapi



Projek pembinaan sekolah bestari yang terbiar kini menjadi sarang penagihan dadah selain tapak pelupusan sampah

sebelum sesuatu yang tidak diingini terjadi, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan segera," katanya.

Lim berkata, pada 1999, penduduk kawasan berkenaan pernah dimaklumkan projek itu akan diambil alih Jabatan Perdana Menteri, tetapi sehingga kini bangunan itu masih terbengkalai dan terbiar.

"Beberapa bulan lalu, media elektronik ada membuat liputan mengenai masalah ini, tetapi sehingga kini penduduk

belum menerima sebarang maklumat balas mengenai status sekolah ini," katanya.

Bangunan terbengkalai itu juga mengundang banyak masalah sampangan termasuk pembuangan sampah dan pembiakan nyamuk aedes.

Bahagian tepi jalan sekolah sepanjang kira-kira satu kilometer bukan saja dipe-nuti sampah sisa domestik, malahan sisa binaan, selain longgokan perabot lama seperti almari, tilam dan sofa.

Lebih jauh lagi, lima gerai makanan bekas bau busuk di pasar malam yang beroperasi setiap hujung minggu sepanjang jalan itu. Peniaga dan pengunjung terpaksa menahan loya akibat bau tidak menyenangkan itu.

Namun, bagi mereka, alah bisa tegal biasa dan seperti

sudah lalu. Walau apapun keadaamnya, perniagaan perlu seperti biasa demi mencari wang menampung kehidupan.

Pengerusi persatuan penduduk, KC Wong, 44, berkata sikap kontraktor binaan membuang sampah di sekitar kawasan sekolah terbiar itu menyebabkan penduduk tidak selesa kerana terpaksa menghindu bau busuk setiap hari.

"Kami bukan saji diselubungi kebiasaan berlaku jenayah, malah menghindar bau kurang menyenangkan, terutama buruk setiap kali hujan."

"Penyakit seperti denggi mudah menular terutama terhadap kanak-kanak yang sukar dikawal dan gemar bermain di sana. Sisa buangan binaan seperti kaca, kayu dan paku juga membahayakan mereka."



Uji Guna MyKad Ke Sabah, Sarawak 1 Mei

Rabu 13 April 2005

Nasional

Uji guna MyKad ke Sabah, Sarawak 1 Mei

PORT DICKSON: Keberkesanannya penggunaan MyKad bagi prosedur keluar masuk penduduk Semenanjung ke Sarawak dan Sabah akan dinilai melalui projek perintis yang bakal dimulakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, 1 Mei ini.

Penggunaan MyKad dapat menjimatkan banyak masa kerana diajukan hanya mengambil masa kira-kira 15 saat bagi setiap urusan berbanding beberapa minit jika mengisi borang (IMM114).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, berkata proses ujian itu akan mengambil masa tiga atau empat bulan bagi mengetahui pasti kelebihan serta kelemahan penggunaan MyKad bagi urusan berkenaan.

"Melalui proses perintis, penduduk Semenanjung yang masuk ke Sarawak melalui lapangan terbang

berkenaan hanya perlu menggunakan MyKad yang akan disahkan melalui mesin khas.

"Mereka tidak perlu mengisi borang seperti sekarang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Tamat Latihan Kursus Induksi Umum dan Pegawai Imigresen KP17/1/2005 di Akademi Imigresen Malaysia, dekat sini, semalam.

Azmi berkata, mesin khas yang mempunyai talian terus ke pangkalan data maklumat peribadi pemegang MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mengeluarkan salinan maklumat berkenaan seperti tarikh masuk dan keluar.

Katanya, penduduk dari Semenanjung yang ingin tinggal melebihi tempoh tiga bulan masih perlu memohon kelulusan Jabatan Imigresen negeri berkenaan.

Beliau berkata, jika projek perintis itu berjalan lancar, penggunaan



PELATIH Pegawai Imigresen menerima kejayaan pada majlis tamat latihan Kursus Induksi Umum dan Pegawai Imigresen KP17/1/2005 di Port Dickson, semalam. - Gambar oleh Dzulkifli Mustapha

MyKad akan diperlukan di semua lapan pintu masuk utama di Sarawak serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

"Sebanyak 27 mesin khas akan disediakan untuk tujuan berkenaan yang kosnya dibayai kerajaan negeri palsu untuk masuk ke negeri itu, beliau berkata, kerajaan mempunyai cara menggesa mereka.

Selain itu, kerajaan juga akan memberikan butiran diri melalui kaunter menggunakan kad pendaftaran kela-

yan yang kuat kuasakan selama empat dekad.

Pada masa ini, penduduk Semenanjung perlu mengisi borang IMM114 sebelum dibenarkan memasuki Sabah.

Sistem dicadangkan itu seperti 'pasport autogate' di kaunter imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tanpa perlu mengisi borang bagi warga Malaysia.

Enam Pengarah Baru *MDC* Diumum

6 pengarah baru MDC diumum

CYBERJAYA: Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Kalimullah Hassan dilantik sebagai Pengarah Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang baru.

Beliau adalah seorang daripada enam pengarah MDC yang baru dilantik dan pelantikan itu sudah mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lima yang lain ialah Pengerusi Telekom Malaysia Bhd (TM), Tan Sri Md Radzi Mansor; Presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan Sapura, Datuk Shahril Shamsuddin; Pengarah Urusan CIMB Holdings Bhd, Datuk Nazir Razak; Presiden Kolej Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT), Tan Sri Lim Kok Wing dan Pengerusi Eksekutif Westport, Tan Sri G Gnanalingam.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, ketika mengumumkan perkara itu, berkata pelantikan nama terkenal dalam industri itu dibuat bagi mengukuhkan barisan kepemimpinan sedia ada MDC.

"Perdana Menteri sudah bersetuju mengukuhkan lembaga pengarah MDC dengan pelantikan ini dan saya berterima kasih kepada mereka yang menduduki kerusi ini sebelum ini dalam menggerakkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Kepemimpinan MDC akan terus diterajui Pengerusinya, Tan Sri Abdul Halim Ali diikuti enam pengarah baru dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr Mohamed Arif Nun," katanya pada taklimat media mengenai mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberview Lodge Resort & Spa di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Abdul Halim dan Mohamed Arif.

Jamaluddin berkata, MDC juga akan mempunyai wakil dari tiga kementerian menerusi ketua setiausahaannya iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kewangan serta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.